



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 DISEMBER 2025 (SELASA)

Wujud Campur Tangan Politik, Cubaan Tutup Kes Rasuah Kerajaan – Azman

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	8 Dis



Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin bercakap pada media berkaitan pertuduhan disyaki bersubahat menerima rasuah di Mahkamah Shah Alam, Selangor. Foto AIZAT ZAINAL, 08 DISEMBER 2025.

SHAH ALAM – Pertuduhan bersubahat menerima rasuah RM400,000 berkaitan projek penternakan lembu yang dihadapi Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin disyaki melibatkan campur tangan politik.

Azman mendakwa, selain melakukan fitnah untuk menjatuhkan imej pembangkang, beliau mengesyaki ia sebagai cubaan untuk menutup beberapa kes termasuk kes rasuah melibatkan

setiausaha politik kanan Perdana Menteri.

“Saya yakin ini tuduhan yang bersifat dan ada unsur-unsur campur tangan politik. Saya dimaklumkan seorang lagi tertuduh kemungkinan kes beliau akan dituduh pada Januari ataupun Februari.

“Beliau juga terkejut, tiba-tiba beliau juga dituduh sama dengan saya. Maknanya ada pertuduhan segera yang dibuat untuk menutup kes-kes yang berlaku dalam

seminggu dua ini.

“Tetapi di sini nampak sangat ada campur tangan politik untuk menjatuhkan sesuatu dakwaan palsu ataupun fitnah terhadap lawan politik kamu,” katanya kepada pemberita di lobi Kompleks Mahkamah Shah Alam, di sini, hari ini.

Terdahulu Azman yang juga Exco Pertanian dan Industri Makanan Kedah berdepan satu pertuduhan bersubahat menerima rasuah berkaitan projek usaha sama penternakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah, kira-kira lima tahun lalu.

Manakala seorang ahli perniagaan pula didakwa atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan berjumlah RM400,000 sebagai balasan untuk mendapatkan projek yang sama.

Mengikut pertuduhan, Azman didakwa bersubahat dengan ahli perniagaan, Ammar Assuat Abu Bakar di Jalan Medan Pusat 2D, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, kira-kira jam 5 petang, pada 23 Jun 2020.

Ammar Assuat meminta dan menerima suapan wang tunai berjumlah RM400,000 daripada Mohd Hassanaim Fauzi sebagai upah bagi membantunya mendapatkan

Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Sg. Laka, Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Mengikut pertuduhan sama, Azman melakukan kesalahan itu dengan mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB untuk mengeluarkan surat tawaran projek tersebut kepada Mohd Hassanaim.-

[MALAYSIAGAZETTE](#)

Ahli Parlimen Padang Serai Selesai Bayar Jamin

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Nasional	Dalam Talian	8 Dis



Tangkap layar dari YouTube MetroTV

Shah Alam: Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin yang berdepan satu pertuduhan bersubahat rasuah, dibebaskan selepas membayar ikat jamin jam 2.30 petang, hari ini.

Azman, 53, menyelesaikan jaminan RM75,000 seperti diperintahkan Mahkamah Sesyen.

Ketika ditemui, Ahli Parlimen Bersatu itu mendakwa, pertuduhan yang dikenakan terhadapnya berunsur campur tangan politik.

"Pertuduhan yang dikenakan kepada saya adalah tidak berasas, butiran pertuduhan tidak membuktikan saya meminta atau menerima wang.

"Saya cuma dituduh bersubahat mengarahkan (Ketua Pegawai Eksekutif Kedah Agro Holdings Berhad), itu juga adalah satu tuduhan yang secara umumnya tidak ada satu bukti pun," katanya kepada pemberita di pekarangan Kompleks Mahkamah Shah Alam, di sini, hari ini.

Walaupun dibebaskan, Azman terikat dengan syarat tambahan ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Terdahulu, Ahli Parlimen Bersatu itu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan bersubahat menerima rasuah RM400,000 berkaitan penternakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah, lima tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, beliau didakwa bersubahat dengan ahli perniagaan, Amar Assuat Abu Bakar, 41, untuk menerima suapan wang tunai RM400,000 daripada seorang lagi individu, Mohd Hassanaim Fauzi, 39.

Suapan itu adalah sebagai upah baginya membantu Mohd Hassanaim mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, daerah Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Azman didakwa bersubahat mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB untuk mengeluarkan surat tawaran kepada Mohd Hassanaim bagi projek ternakan itu.

Sementara itu, peguam, Afiq Nordin yang mewakili Azman berkata, pasukan pembelaan akan segera memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi membatalkan pertuduhan terbabit.

Menurutnya, permohonan itu akan difailkan sebelum sebutan semula kes pada 13 Januari depan.-[MYMETRO](#)

**Projek Fitlot Kedah: Ahli Perniagaan Didakwa Minta, Terima
Rasuah RM400,000**

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	8 Dis



Seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Isnin atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan RM400,000 berhubung projek penternakan lembu milik kerajaan negeri Kedah, lima tahun lalu.

SHAH ALAM - Seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan RM400,000 berhubung projek penternakan lembu milik kerajaan negeri Kedah, lima tahun lalu.

Amar Assuat Abu Bakar, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut semua pertuduhan, bapa kepada tiga anak itu didakwa melakukan kesalahan tersebut, daripada seorang ahli perniagaan berusia 39 tahun, sebagai dorongan untuk membantunya mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, daerah Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Kesalahan didakwa dilakukan

di sebuah restoran dan tepi jalan berhadapan sebuah syarikat di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, di sini pada 20 dan 23 Jun 2020.

Dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM200,000 dengan seorang penjamin.

"Termasuk syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri sekali setiap bulan di pejabat SPRM," katanya yang hadir bersama Timbalan Pendakwa Raya, Asmaa' Zamri.

Bagaimanapun, peguam, R Yoganathan yang mewakili tertuduh berkata, jumlah jaminan yang dicadangkan pihak pendakwaan bersifat keterlaluan.-[SINARHARIAN](#)

Ahli Parlimen Padang Serai Didakwa Subahat Kes Rasuah RM400,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Mahkamah	Dalam Talian	8 Dis



Azman Nasrudin hari ini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan bersubahat berhubung kes rasuah RM400,000 dalam projek penternakan lembu pedaging Kerajaan Negeri Kedah lima tahun lepas. - Gambar BERNAMA

SHAH ALAM: Ahli Parlimen Padang Serai Datuk Azman Nasrudin hari ini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan bersubahat berhubung kes rasuah RM400,000 dalam projek penternakan lembu pedaging Kerajaan Negeri Kedah lima tahun lepas.

Beliau membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Bapa kepada lima anak itu didakwa melakukan perbuatan tersebut dengan ahli perniagaan Amar Assuat Abu Bakar, 41, untuk menerima suapan sebanyak RM400,000 daripada Mohd Hassanaim Fauzi, 39.

Wang itu sebagai upah membantu Mohd Hassanaim mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah

Agro Holding Berhad (KAHB).

Mengikut pertuduhan, Azman didakwa mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB mengeluarkan surat tawaran kepada Mohd Hassanaim bagi projek itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tepi jalan berhadapan pejabat Syarikat Angsa Emas Beaute Sdn Bhd, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada kira-kira 5 petang 23 Jun 2020.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 16(a)(A) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin dan Asmaa' Zamri manakala tertuduh diwakili peguam N. Surendran, Nizamuddin Abdul Hamid, Sasha Lyna Abdul Latif serta Shahid Adli Kamarudin.

Terdahulu, Muaz Ahmad menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin mengambil kira status Azman selaku Ahli

Parlimen berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Surendran membantah jumlah jaminan yang terlampau tinggi dan serahan pasport kepada mahkamah atas alasan anak guamnya berusia 53 tahun, tidak mempunyai risiko melarikan diri kerana selaku Ahli Parlimen beliau perlu hadir ke persidangan selain mempunyai isteri serta lima anak.

Mahkamah membenarkan Azman diikat jamin sebanyak RM75,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan menetapkan 13 Jan tahun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Surendran turut memaklumkan mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memfailkan permohonan untuk membatalkan pertuduhan terhadap Azman sebelum tarikh sebutan semula kes itu.

Sementara itu, Amar Assuat mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan wang tunai berjumlah RM400,000 daripada Mohd Hassanaim bagi membantunya mendapatkan projek yang sama.

Ahli perniagaan itu didakwa melakukan perbuatan tersebut di sebuah restoran serta di tepi jalan berhampiran sebuah syarikat di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada 20 dan 23 Jun 2020 mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Mohd Nasir membenarkan Amar Assuat diikat jamin RM75,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan manakala pasport diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 13 Jan 2026 sebagai tarikh sebutan kes.

Amar Assuat diwakili peguam R. Yoganathan manakala pendakwaan dikendalikan oleh Muaz Ahmad dan Asmaa'. - [UTUSANBORNEO](#)

Ahli Parlimen Padang Serai Mengaku Tak Salah Subahat Terima Rasuah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	8 Dis



Tangkap layar dari YouTube MetroTV

Shah Alam: Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan bersubahat menerima rasuah RM400,000 berkaitan penternakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah, lima tahun lalu.

Azman, 53, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Menurut pertuduhan, tertuduh didakwa

bersubahat dengan ahli perniagaan, Amar Assuat Abu Bakar, 41, untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu Amar Asuat secara rasuah menerima bagi dirinya suapan wang tunai RM400,000 daripada Mohd Hassanaim Fauzi.

Suapan itu adalah sebagai upah baginya membantu Mohd Hassanaim mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlol di

Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, daerah Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Kesalahan itu didakwa dilakukan hasil persubahatan Ahli Parlimen berkenaan yang mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB untuk mengeluarkan surat tawaran kepada Mohd Hassanaïm bagi projek ternakan itu.

Kesalahan didakwa dilakukan Ahli Parlimen Bersatu itu di tepi Jalan Medan Pusat 2D, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada jam 5 petang, 23 Jun 2020.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) dibaca bersama Seksyen 16(a)(A) akta sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin Ahmad mencadangkan jaminan RM100,000 dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam N Surendran yang mewakili Azman membantah

cadangan pihak pendakwaan dengan menyatakan jaminan itu terlalu tinggi dan memohon mahkamah mengenakan jaminan lebih rendah terhadap anak guamnya.

"Tertuduh adalah wakil rakyat dan mempunyai seorang isteri suri rumah dan lima anak, selain menanggung ibu berusia 82 tahun," katanya.

Selain Surendran, tertuduh turut diwakili peguam Sasha Lyna Abdul Latif, Nizamuddin Hamid, Shahid Adli dan Afiq Nordin.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM75,000 dengan seorang penjamin, pasport diserahkan kepada mahkamah serta melapor diri di pejabat SPRM terdekat setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 Januari depan.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR